



20 MAR, 2023

334 kaki judi diberkas

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

34 premis dipotong bekalan elektrik sejak 1 Januari

334 kaki judi diberkas

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING

JOHOR BAHRU – Seramai 334 individu diberkas disyaki terlibat dalam aktiviti judi dalam talian di seluruh negeri Johor dalam tempoh tiga bulan bermula 1 Januari sehingga semalam.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, mereka yang ditahan itu terdiri daripada 329 penjaga premis dan lima pemain judi masing-masing berusia antara 17 hingga 60 tahun.

"Sepanjang tempoh 1 Januari sehingga semalam, Polis Johor telah melaksanakan Ops Dadu

Khas bagi memberi tumpuan ke atas jenayah judi dalam talian.

"Sebanyak 324 premis di seluruh negeri Johor telah diserbu dan diperiksa. Seramai 334 individu telah ditahan kerana disyaki terlibat dalam aktiviti judi berkiraan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kamarul Zaman berkata, selain itu, sejumlah 355 unit telefon bimbit pelbagai jenama, tujuh unit tablet serta empat unit laptop dirampas selain RM49,435 wang tunai disita.

Menurutnya, sebanyak 34 premis telah mendapat kelulusan dan diambil tindakan pe-

motongan bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad.

Jelasnya, daripada jumlah itu, 13 premis telah dibatalkan lesen beroperasi oleh pihak berkuala tempatan manakala empat lagi masih dalam permohonan pembatalan.

"Premis-premis ini mengaburi pihak polis dengan menjadi kedai menjual telefon dan tambah nilai untuk menjalankan kegiatan perjudian dalam talian," katanya.

Tambah beliau, bagi tahun lalu, pihaknya telah memberkas 1,080 individu atas kesalahan menjalankan judi dalam talian.



ANGGOTA polis melakukan pemeriksaan ke atas individu yang disyaki terlibat dalam kegiatan judi dalam talian di Johor.